

Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Tari Melayu kontemporari 'terbang' ke Austria

• NURMAYA ALIAS
nurmaya@epoch.com.sg

CITA-CITA penari Norhaizad Adam, 28 tahun, ialah memperkenalkan tari tradisional Melayu menerusi tari kontemporari kepada penonton sedunia pada suatu hari nanti.

Semangatnya lebih membakar selepas beliau pulang daripada satu bengkel menari selama hampir sebulan menerusi program *Atlas Mapping Future Talents 2015* sempena acara *ImpulsTanz - Pesta Tari Antarabangsa Vienna 2015* di Vienna, Austria.

Program yang berlangsung dari 16 Julai hingga 18 Ogos lalu melibatkan penyertaan sembilan penari antarabangsa yang terpilih.

Mereka berpeluang membuat kajian, berlatih dan mencipta satu karya tari di bawah bimbingan beberapa jurutari profesional.

Norhaizad yang telah memohon bagi menyertai program tersebut telah ke sana dengan sokongan Majlis Seni Kebangsaan (NAC) di bawah Geran Pembangunan Kebolehan.

"Saya serius dalam bidang tari dan mahu menerokai tari di luar zon keselesaan saya. Oleh kerana saya minat dalam bidang tari kontemporari dan tradisional Melayu, saya mahu mendedahkan diri saya pada tari kontemporari lain sekali gus mempertingkatkan diri dalam bidang tari," kata Norhaizad men-



KARYA KONTEMPORARI MELAYU: Penari Norhaizad Adam mementaskan persembahan tari kontemporari Melayu berjudul 'Belon' selepas menjalani bengkel menari di Vienna, Austria. - Foto-foto ihsan NORHAIZAD ADAM

genai penyertaannya dalam program itu.

Beliau seorang pereka tari muda yang mula belajar menari tari tradisional Melayu dan dididik oleh Encik Azmi Juhari, pengarah artistik dan jurutari tersohor kumpulan tari Azpirasi Dance Group.

Salah satu karya ciptaannya telah dipentaskan di persembahan tari *Melentur Buluh* menerusi acara *Persembahan Koreografer Muda 2015* anjuran Azpirasi Dance Group pada Jun lalu.

Dua lagi pereka tari muda, Afiq

Nasrullah Azmi dan Ismail Jemaah, turut terlibat dalam persembahan tari itu.

Meskipun dididik dalam tarian tradisional Melayu, Norhaizad mempunyai minat dalam tari kontemporari Melayu dan percaya jenis tari itu kurang dikenali.

Justeru, beliau membawa matlamat menyebarkan kesedaran tentang tari kontemporari Melayu di Vienna.

"Di sana, para penari tahu tentang kewujudan tari kontemporari India, Cina, Jepun dan Indonesia.

Tetapi mereka terpinga-pinga apabila saya memberitahu mereka bahawa saya menari tarian kontemporari Melayu. Mereka akan tanya - apakah tarian tradisional Melayu? Dari situ, saya akan terangkan dan menunjukkan gerak geri tarian tradisional Melayu," kongsi Norhaizad.

Semua penari kecuali Norhaizad yang mengikuti program itu mempunyai latar belakang dalam tarian balet dan jaz.

Beliau menambah bahawa program itu merupakan satu pengalaman membuka minda, apalagi ia kali pertama beliau berada di Eropah.

Dalam program itu, Norhaizad telah menonton 18 persembahan, menjalani lapan bengkel tari, melakukan satu projek berkenaan sejarah dan keganasan serta membuat kajian dan menghasilkan karya solo.

Peserta dibimbing oleh beberapa artis dan jurutari mapan seperti German Jauregi, Nita Little, Fabiana Pastorini dan Philippe Fiera, pengasas sama kumpulan seni Superamas.

"Saya diajar pelbagai teknik tari kontemporari termasuk cara bertafakur dan arif tari. Oleh kerana teknik yang diajar berkonsepkan tari Barat, ia agak mencabar semasa saya mencipta satu karya tari berjudul *Belon* untuk dipersembahkan di pesta itu. Saya perlu mencari keseimbangan," kata Norhaizad.

Bercerita pula tentang *Belon*, Norhaizad menerangkan bahawa ia satu tarian naratif yang mengisahkan tentang dirinya - sebagai seorang penari tradisional yang mahu belajar tarian kontemporari dan telah pergi ke Vienna.

Di hujung persembahan tari itu, Norhaizad mencetuskan satu persoalan - adakah pengalamannya menjalani latihan tari Barat membuat tariannya lebih kebaratan atau lebih padat dengan unsur kemelayuan?

"Saya menggunakan belon beliau sebagai lambang dalam persembahan saya. Di hujung persembahan, belon helium itu akan diikat di leher saya lalu ia terapung ke udara.

Bagi saya, belon yang terapung itu menunjukkan bahawa saya berpeluang mengangkat tari Melayu di negara asing walaupun selepas saya menjalani latihan tarian Barat," kata Norhaizad yang teguh berjiwa Melayu.

Dalam persembahan *Belon*, beliau juga telah menggunakan muzik zapin yang mencetuskan pelbagai persoalan di kalangan hampir 400 penonton di pesta tari di Vienna itu.

Bagi membolehkan beliau berkongsi pengalamannya di Vienna dan menunjukkan karya ciptaannya, Norhaizad mempunyai rancangan mementaskan persembahan tari *Belon* di Singapura.

Pereka tari muda yang sudah mempunyai pengalaman menari tarian tradisional Melayu baru menubuhkan P7:ISMA - satu syarikat tari kontemporari yang mempersembahkan karya kontemporari berasaskan falsafah, budaya, jiwa dan tari Melayu.

Lantas, apakah maksud kontemporari Melayu dari sudut pandangan Norhaizad?

"Sebelum saya berangkat ke Vienna, saya mempunyai idea tersendiri tentang tarian kontemporari Melayu. Tetapi sejauh ini, saya anggap kontemporari itu mempunyai kaitan dengan 'sekarang'. Pengalaman bengkel di sana membuat saya mencabar diri menerokai tarian kontemporari tetapi pada masa yang sama mengekalkan nilai tradisional Melayu dalam tarian saya," kata Norhaizad.